

# Pendekar

tiga  
10 AUG 1983  
generasi

PENCAK SILAT

ADA yang luar biasa bagi Encik Yahya Bujang, 52 tahun, (kanan sekali) kerana beliau mengetuai kumpulan 'pendekar tiga generasi' dalam kumpulan silat seni Gayung Balai Rakyat Marsling yang memeriahkan perbarisan di Ang Mo Kio.

Pendekar-pendekar itu terdiri dari dua orang anaknya, Zaini Azad, 17 tahun, Zainah Liza, 18 tahun, cucunya, Imran Ismail, 10 tahun dan dua orang anak saudaranya, Suherman Kasiman, 19 tahun dan Normala Mohamed, 19 tahun.

Secara kebetulan, ini merupakan pertama kali keluarga berangkal itu menyertai perbarisan Hari Kebangsaan.

Bersama-sama dengan kumpulan budaya seramai 150 termasuk dari Balai Rakyat Ang Mo Kio, Jalan Kayu dan Yio Chu Kang, kumpulan pendekar Encik Yahya menunjukkan latihan jurus dan beberapa pecahan langkah seni mempertahankan diri di depan penonton yang telah memenuhi stadium dan jalan-jalan raya di sekitarnya sejak pagi lagi.

Encik Yahya yang menjadi jurulatih silat, memberitahu *Berita Harian* bahawa 'anak buahnya' amat berminat untuk menyertai perbarisan itu dan telah berlatih bersungguh-sungguh.

Khustir kalau-kalau mereka terlambat bangun untuk ke pusat Ang Mo Kio itu, kesemua anak buahnya yang terlibat telah bermalam di rumahnya di Blok 35, Marsling Road.

"Malah, isteri dan anak-anak saya yang lain, kesemuanya 12 orang, turut sama menaiki kenderaan pagi-pagi lagi untuk pergi ke Ang Mo Kio," katanya.

Cucunya, Imran berkata: "Pagi-pagi saya sudah bangun. Saya tidak takut kerana datuk, pak cik, mak cik dan kawan-kawan yang lain ada sama-sama."

Persembahan gabungan silat, kompang dan tarian yang diberi nama 'Suria Pagi' itu menurut guru tari Abdul Hamid Atan, melambangkan semangat belia menghadapi hari-hari muka.